

'Kami masih percaya PM'

UTUSAN MALAYSIA

10 JUL 2025

m/d: 3

Oleh FITRI NIZAM

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Desakan sembilan ahli Parlimen Parti Keadilan Rakyat (PKR) berhubung penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) dalam isu pelantikan Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Persekutuan, bukanlah disebabkan hilang kepercayaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sebaliknya, ia dibuat secara terbuka kerana melihat kepentingan untuk institusi kehakiman negara dipertahankan daripada dicemari.

Ahli Parlimen Setiawangsa, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, desakan secara terbuka melalui sidang akhbar dibuat adalah kerana isu kewibawaan institusi kehakiman merupakan satu perkara mendesak untuk disuarakan.

Katanya, kewibawaan institusi kehakiman negara merupakan asas yang sangat dekat dengan PKR, oleh itu mereka perlu menyatakan pendirian secara terbuka.

"Tidak timbul soal kepercayaan kepada Perdana Menteri kerana isu yang dibangkitkan adalah berkaitan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) dan kewibawaannya dalam

proses pelantikan hakim.

"Kami mengambil langkah menyatakan pendirian secara terbuka sebagai ahli Parlimen PKR dan bukannya bersama pihak pembangkang," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, sembilan Ahli Parlimen PKR diketuai Datuk Seri Mohd. Rafizi Ramli mendesak kerajaan menubuhkan RCI bagi meniasat dakwaan campur tangan dalam pelantikan hakim dan keputusan kes mahkamah yang kini mencetuskan kebimbangan terhadap kebebasan institusi kehakiman negara.

Mereka ialah Mohd. Rafizi, Nik Nazmi; Ahli Parlimen Ampang, Rodziah Ismail; Ahli Parlimen Subang, Wong Chen; Ahli Parlimen Wangsa Maju, Zahir Hassan, Ahli Parlimen Balik Pulau, Datuk Muhammad Bakhtiar Wan Chik; Ahli Parlimen Ledang, Syed Ibrahim

Syed Noh; Ahli Parlimen Sungai Siput, S. Kesavan dan Ahli Parlimen Batu Pahat, Onn Abu Bakar.

Penubuhan RCI itu adalah untuk meniasat dakwaan bahawa bagi pelantikan hakim-hakim (sama ada bagi Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan), pencalonan yang telah diantar oleh JAC kepada kerajaan tidak diambil tindakan pada kadar yang sewajarnya, yang menyebabkan kekosongan menjadi mende-

Kedua-duanya, meniasat dakwaan bahawa pencalonan bagi kekos-

ngan Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan telah diputuskan oleh JAC sebelum persaraan Tun Tengku Maimun Tuan Mat dan dikemukakan kepada Perdana Menteri sebelum ini, tetapi pelantikan tidak dibuat sehinggalah menyebabkan kekosongan yang ada sekarang.

Ketiga, meniasat bahawa mesyuarat JAC telah dipanggil pada hari Jumaat lalu tanpa mematuhi keperluan notis 10 hari dengan tujuan untuk membuat pencalonan semula bagi jawatan-jawatan yang kosong.

Terakhir, meniasat bahawa pada satu mesyuarat JAC yang lepas, seorang Hakim Mahkamah Persekutuan telah dipanggil memberi penjelasan mengenai tuduhan cuba mempengaruhi keputusan satu kes dan pertukaran hakim.

Nik Nazmi berkata, walaupun perkara itu sudah dijawab oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) dan akan ada penjelasan daripada kerajaan berhubung perkara itu, namun pendirian untuk ia disiasat secara telus adalah kekal.



NIK NAZMI
NIK AHMAD